



TEKS UCAPAN

PPjB Ts. FARHAN SUFYAN BIN BORHAN
YS PENGARAH
JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT MALAYSIA
NEGERI KELANTAN

SEMPENA

MAJLIS PERHIMPUNAN BULANAN – SEPTEMBER 2025

JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT MALAYSIA
NEGERI KELANTAN

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

Terima kasih kepada Saudara dan Saudari Pengacara
Majlis serta Pembaca Doa.

Yang Berusaha,

Muhammad Zaidi bin Mat Jusoh

(Setiausaha Sulit kepada KDYMM Sultan Muhammad V) -
Istana Balai Besar

Yang Berusaha,

Dr Foo Say Hum

Pengerusi

Bomba Komuniti Gabungan Tiong Hwa Kelantan

Yang Berusaha,

YM Tuan Ibrahim Tuan Mat

Pengurus

Pasukan ERT Tok Bali Supply Base

Yang Berusaha,

Cikgu Mohd Nawawi Bin Che Mat

Ketua Kontinjen Kadet Bomba

Perkhemahan Kadet Bomba Peringkat Kebangsaan

Yang Berusaha,

PgKB I Aswafaizole bin Abdul Wahab

Timbalan Pengarah

Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia Negeri
Kelantan

Penolong-penolong Pengarah Bahagian,

Ketua-ketua Zon, Pegawai-pegawai Kanan Jabatan,

Ketua - ketua Balai, penerima penerima Sijil

Perkhidmatan Terpuji, Atlet Takraw Sukan Bomba
(SUKBOM) 2025, Pasukan Pertandingan Kawad

Kecekapan Peserta *Emergency Response Team* (ERT) Tok Bali *Supply Base* Sdn Bhd (TBSB), para peserta Kadet Bomba Peringkat Kebangsaan Tahun 2025 ,rakan-rakan media serta tuan-tuan dan puan-puan yang saya muliakan.

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh
Salam Sejahtera dan Salam Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia, Berprestasi Tinggi, Cepat dan Mesra, Salam Keluarga Malaysia.

Alhamdulillah, saya memanjatkan rasa syukur kehadiran Allah SWT kerana dengan limpah, kurnia dan rahmatNya, dapat kita bersua pada pagi yang berbahagia ini, dalam Majlis Perhimpunan Bulanan Peringkat Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia Negeri Kelantan bagi bulan September 2025. Saya merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih kepada warga kerja Bahagian

Keselamatan Kebakaran sebagai tuan rumah kerana dapat merencana dan merealisasikan majlis pada pagi ini dengan beberapa pengisian termasuklah semoga kita semua sentiasa berada dalam keadaan yang sihat dan dirahmati oleh Allah SWT.

Perhimpunan Bulanan ini adalah penting dan seharusnya diadakan secara konsisten bagi membolehkan kita semua bertemu, bersua muka, berinteraksi dan mendapat maklumat tentang perkembangan pencapaian, isu dan cabaran yang telah dan akan kita hadapi sebagai penjawat awam agar ianya menyegarkan semula perancangan dan pelaksanaan tugas dalam kita semua bergerak ke hadapan sebagai satu pasukan.

UCAPAN TAKZIAH

2. Salam takziah saya ucapkan buat keluarga PBK II KUP Mohd Zawawi Bin Mohd Yazid yang telah kembali ke Rahmatullah pada 30 Julai 2025. Saya difahamkan arwah baru sahaja bersara wajib sehari sebelum pemergiannya. Saya memohon seribu kemaafan kerana tidak dapat hadir ziarah kerana terlibat dengan komitmen jabatan diluar negeri. Dari segi kebajikan keluarga gemulah hari ini kita akan terjemahkan dengan penyampaian sumbangan kebajikan dari Koperasi Bomba Dan Penyelamat Malaysia Berhad (KOBOPEM). Buat keluarga arwah sememangnya ujian ini begitu pahit dirasakan, semoga kita semua yakin dengan janjiNya buat hambaNya yang soleh dan solehah. Semoga roh arwah ditempatkan dikalangan para solihin. Aamiin. Marilah kita semua sedekahkan Al-Fatihah.....

Dato' ,Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian,

3. Di kesempatan ini saya menzahirkan rasa syukur dan terima kasih kepada semua yang terlibat dalam penganjuran Seminar Organisasi Keselamatan Kebakaran (OKK) Jabatan Bomba Dan Penyelamat Negeri Kelantan yang telah diadakan pada 11 Ogos 2025. Penganjuran program dengan jumlah penyertaan seramai 407 peserta dianggap sebagai satu kejayaan untuk kita semua di JBPM Negeri Kelantan dan terima kasih juga kepada *Human Resources Development Corporation* (HRDCORP) di atas kerjasama yang telah diberikan dalam memastikan penganjuran seminar tersebut berjalan dengan lancar. Ucapan sekalung tahniah juga kepada Pasukan Takraw yang beraksi dalam Sukan Bomba Malaysia (SUKBOM) yang berlangsung di Pahang Darul Makmur 17 - 21 Julai 2025 yang telah beroleh kejayaan gemilang.

HARI PENCEGAHAN LEMAS SEDUNIA

Dato' ,Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian,

15. Hari Pencegahan Lemas Sedunia disambut pada setiap tahun pada 25 Julai. Ia adalah sebuah kempen advokasi yang dianjurkan oleh Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) bagi meningkatkan kesedaran dan menggesa tindakan bersepadu untuk mencegah kematian akibat lemas, yang dikategorikan sebagai isu kesihatan awam global yang serius. Slogan yang diperkenalkan WHO adalah ***‘Anyone Can Drown, No One Should’***.

16. Data Mati Lemas Tahun 2020 – 2024 di Malaysia termasuk di lokasi-lokasi seperti di sungai, pantai, tali air, tasik, jeram dan pembetung adalah seramai 1359 orang dengan purata tahunan sebanyak 272 kematian.

Daripada angka tersebut, 109 kematian dicatatkan di negeri ini. Walaupun pada tahun 2024 ia mencatatkan penurunan (1.8 %) di seluruh negara dan di negeri ini, ia bukanlah satu perkara yang boleh kita semua ambil enteng atau ambil mudah.

17. Justeru Jabatan Bomba Dan Penyelamat Negeri Kelantan telah mengambil inisiatif dari segi memberikan kesedaran dan pendedahan bermula dari awal tahun lagi, pelbagai program telah dirangka dirangka seperti contoh Program Renang di sekolah dengan kerjasama Kementerian Pendidikan Negeri Kelantan yang memfokuskan kepada kemahiran berenang sedari awal kepada pelajar sekolah, dan memantapkan kemahiran berenang kepada pegawai dan anggota Jabatan Bomba dan Penyelamat. Selain itu modul – modul asas pertolongan cemas turut dipanjangkan seperti contoh *Bomba Life Support*, Modul Pertolongan

Cemas kepada komuniti yang turut memfokuskan kemahiran penyelamatan asas termasuk Cardiopulmonary Resuscitation (CPR).

BOMBA SUKARELA DAN BOMBA KOMUNITI

Dato' ,Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian,

18. Bomba Sukarela dan Bomba Komuniti adalah dua inisiatif penting di bawah Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia dalam memperkukuh kesiapsiagaan masyarakat terhadap ancaman kebakaran dan kecemasan. Bomba Sukarela berperanan melaksanakan tugas-tugas kebombaan serta penyelamatan di kawasan yang terletak jauh daripada balai bomba utama, manakala Bomba Komuniti pula memberi penekanan kepada aspek pendidikan, kesedaran, pencegahan serta tindakan awal kecemasan oleh penduduk setempat. Kedua-

dua pasukan ini saling melengkapi dalam usaha meningkatkan tahap keselamatan awam serta menyokong peranan pasukan bomba profesional di seluruh negara. Uniknya di Negeri Kelantan, kita juga mempunyai Pasukan Bomba Komuniti yang terdiri di kalangan pengamal media yang telah menjalani latihan asas pada bulan Jun tahu ini.

19. Bagi mengiktiraf peranan kedua-dua pasukan tersebut di Negeri ini, kita akan membuat penyerahan sebanyak sebelas (11) **(4 - Bomba Komuniti) (7 – Bomba Sukarela)** buah bot kepada Pasukan Bomba Sukarela dan Bomba Komuniti yang telah telah terpilih. Kementerian melalui Jabatan Bomba telah selesai membuat perolehan bagi 150 unit bot untuk penyelamatan komuniti dan gerak kerja penyelamatan mangsa banjir. Untuk makluman juga, perolehan 150 unit set bot berserta aksesori ini telah mendapat kelulusan kerajaan

melalui cadangan Projek Pembangunan Rolling Plan Ketiga Tahun 2023 (RP3 2023) bagi Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Diharapkan, penyerahan bot-bot ini dapat memberi manfaat kepada komuniti yang menerima dan membantu melancarkan usaha-usaha penyelamatan mangsa banjir terutamanya sewaktu musim tengkujuh yang melanda saban tahun.

PERANAN ORGANISASI KESELAMATAN KEBAKARAN (OKK)

Dato' ,Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian,

20. Organisasi Keselamatan Kebakaran (OKK) merupakan satu inisiatif Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia yang diwujudkan di bangunan, institusi, atau kawasan tertentu dengan tujuan memperkukuh tahap keselamatan kebakaran. OKK

ditubuhkan melalui lantikan serta penyelarasan oleh pihak pengurusan atau pemilik premis, dan ahlinya terdiri daripada penghuni atau kakitangan yang diberikan latihan asas kebombaan. Peranan utama OKK adalah melaksanakan langkah pencegahan kebakaran, mengadakan rondaan keselamatan, mengawal keadaan semasa insiden, serta memastikan pengosongan bangunan dijalankan dengan teratur sebelum ketibaan pasukan bomba. Melalui OKK, masyarakat dapat memainkan peranan secara langsung dalam mengurangkan risiko kebakaran sekaligus menyokong keberkesanan operasi menyelamatkan oleh pihak bomba.

21. Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia Negeri Kelantan telah melangkah setapak lagi dalam memperkukuh aspek keselamatan kebakaran menerusi penubuhan Pasukan Organisasi

Keselamatan Kebakaran Istana, yang beroperasi melalui Pejabat Sultan Kelantan.

Penubuhan pasukan ini merupakan satu inisiatif strategik dan langkah awal yang signifikan dalam memastikan sebarang insiden kebakaran atau kecemasan yang berlaku di perkarangan Istana dapat ditangani secara pantas, teratur dan berkesan.

Sebagai kawasan berprofil tinggi yang mempunyai nilai sejarah, kebudayaan dan institusi diraja yang penting, aspek keselamatan kebakaran di Istana memerlukan perhatian yang menyeluruh serta kesiapsiagaan yang tinggi. Justeru, pembentukan pasukan ini dijangka mampu memperkukuh keupayaan tindak balas awal di lokasi serta meningkatkan tahap kesedaran dan latihan

keselamatan kebakaran dalam kalangan warga Istana.

JBPM Negeri Kelantan komited untuk terus bekerjasama erat dengan Pejabat Sultan Kelantan dalam memastikan keselamatan persekitaran Istana sentiasa berada pada tahap terbaik, selaras dengan tanggungjawab jabatan dalam melindungi nyawa dan harta benda rakyat.

PENUTUP

Dato' ,Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian,

22. Sebelum saya mengakhiri ucapan pada pagi ini, suka saya berdoa agar setiap warga kerja Jabatan Bomba Dan Penyelamat Negeri Kelantan sentiasa dianugerahkan kerahmatan dan keberkatan dalam kita menunaikan tanggungjawab memberi

perkhidmatan kebombaan dan penyelamatan yang cepat, mesra dan lebih responsif kepada rakyat. Kita perlu kekal komited dan bersama berusaha meningkatkan kesiapsiagaan Jabatan bagi menghadapi pelbagai bentuk kecemasan dan bencana alam masa kini yang disifatkan oleh YB Menteri KPKT sebagai lebih ***“Diversified and Unpredictable”***

23. Saya juga ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan Selamat Menyambut Hari Kemerdekaan ke 68 dan Selamat Hari Malaysia, Semoga kemerdekaan negara akan terus dinikmati dengan penuh kesyukuran dan negara tercinta kita terus makmur, berdaulat dan maju.

Sekian, wabillahi taufik wal hidayah

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.